



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### STATISTIK KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN NEGARA 2021 SEMPENA PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2022

---

#### KADAR KECEDEeraan PEKERJAAN MENURUN 34 PERATUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), selaku badan yang bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasa perundangan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, pada hari ini telah membuat pengumuman rasmi statistik kemalangan dan penyakit pekerjaan negara bagi tahun 2021 sempena Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2022.
2. Kadar kecederaan, kadar kecederaan maut dan jumlah pelaporan penyakit pekerjaan merupakan tiga indikator utama yang menunjukkan pencapaian tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Malaysia yang dinyatakan di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021 – 2025 (OSHMP25).
3. Statistik kemalangan pekerjaan dijana berdasarkan analisis komprehensif daripada data kemalangan pekerjaan di sektor awam dan swasta yang diperoleh daripada empat (4) agensi sumber yang relevan iaitu JKKP, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), data Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kewangan (MOF). Manakala data pelaporan penyakit pekerjaan berdasarkan kes yang dilaporkan kepada JKKP.
4. Pada tahun 2021, sebanyak 21,534 kes kecederaan pekerjaan telah direkodkan di seluruh Malaysia, di mana 301 daripadanya adalah kes maut. Ini menjadikan kadar kecederaan pekerjaan di Malaysia pada tahun 2021, ialah 1.43 bagi setiap 1,000 pekerja, iaitu penurunan sebanyak 34% berbanding 2.18 pada tahun 2020. Manakala, kadar kecederaan maut pekerjaan pula berkurang sebanyak 4%, iaitu 2.00 setiap 100,000 pekerja pada tahun 2021, berbanding 2.09 pada tahun sebelumnya.
5. Kadar kecederaan pekerjaan 2021 menunjukkan penurunan ketara sebanyak 58%, berbanding 3.40 setiap 1,000 pekerja pada tahun 2011. Manakala, kadar

kecederaan maut pekerjaan 2021 pula berkurang sebanyak 68%, berbanding 6.17 setiap 100,000 pekerja pada tahun 2011.

6. Antara faktor penurunan kadar kecederaan pekerjaan negara 2021 ialah:
  - i. Penguatkuasaan dan promosi berkesan oleh JKKP diteruskan termasuk dengan menggunakan pendekatan norma baharu;
  - ii. Kesan tindakan punitif JKKP terhadap majikan yang gagal mematuhi kehendak perundangan KKP;
  - iii. Majikan dan pekerja lebih prihatin untuk melaksana dan mematuhi SOP termasuk aspek KKP;
  - iv. Peranan aktif penyedia latihan, pertubuhan bukan kerajaan, dan lebih 68 ribu pengamal KKP berdaftar, dalam membantu majikan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
  - v. Keberhasilan jangka panjang pelaksanaan Pelan Induk KKP Negara; dan
  - vi. Aktiviti ekonomi pelbagai sektor pekerjaan yang baru berjalan semula di bawah Pelan Pemulihan Negara.
  
7. Manakala dalam aspek kesihatan pekerjaan, Kementerian menerusi MNKKP dan JKKP berusaha ke arah meningkatkan kesedaran majikan, pekerja dan pengamal perubatan termasuk untuk melaporkan kes-kes penyakit dan keracunan di tempat kerja. Salah satu indikator peningkatan kesedaran dalam aspek ini ialah peningkatan bilangan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) berdaftar iaitu daripada 483 pada tahun 2011 kepada 1,058 pada tahun 2021. Selain itu, terdapat peningkatan 7 kali ganda dalam jumlah pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan yang diterima oleh JKKP, iaitu daripada 1,198 kes pada tahun 2011 kepada 9,822 pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,289 kes merupakan penyakit pekerjaan yang telah disahkan oleh JKKP pada tahun 2021.
  
8. Berdasarkan statistik di atas, kesemua indikator prestasi utama ditetapkan dalam OSHMP25 bagi tahun 2021 berjaya dicapai. Pencapaian ini merupakan keberhasilan daripada usaha bersinergi semua pemegang taruh termasuk Kerajaan, majikan, pekerja, pengamal KKP, persatuan dan badan bukan kerajaan. Ini adalah selaras dengan hasrat yang dinyatakan dalam tema OSHMP25 iaitu "KKP Inklusif: Kebersamaan dan Komitmen".
  
9. Justeru, MNKKP menyeru semua ahli Keluarga Malaysia memainkan peranan dan tanggungjawab bagi memastikan aset utama negara, dan tonggak pemulihan negara iaitu para pekerja sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat serta kondusif.
  
10. Butiran lanjut statistik kemalangan dan penyakit pekerjaan negara 2021 ini boleh diakses menerusi laman web JKKP iaitu di pautan [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my).

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**30 JUN 2022**